

## Hubungan Sikap Pelajar dan Pengajaran Pensyarah Terhadap Pencapaian Kursus Pengaturcaraan di kalangan Pelajar Politeknik

Hartati Maskur\*, Roshila Abdul Mutalib dan Norazlina Abdullah

*Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Besut Terengganu, Malaysia.*

### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap pelajar dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan di kalangan pelajar Politeknik Besut Terengganu. Seramai 76 orang pelajar telah menjadi responden kajian bagi memenuhi objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan dan juga untuk mengenal pasti adakah terdapat perbezaan sikap antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Borang soal selidik digunakan sebagai bahan kajian bagi mendapatkan data dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) v20.0 dengan menggunakan analisa korelasi Pearson. Dapatan kajian menjelaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan responden lelaki dan perempuan bagi sikap pelajar. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar dengan pencapaian kursus pengaturcaraan, begitu juga dengan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa sikap pelajar dan pengajaran pensyarah memainkan peranan yang penting dalam memperkasakan pencapaian pelajar dalam kursus pengaturcaraan.*

### PENGENALAN

Kursus asas pengaturcaraan mula diperkenalkan dan dipelajari oleh pelajar yang mengikuti program pengajian khususnya dalam bidang Teknologi Maklumat, Sains Komputer dan Kejuruteraan sama ada di peringkat institut pengajian tinggi (IPT) atau pra-universiti. Bahasa pengaturcaraan yang selalu digunakan dalam memperkenalkan kursus ini adalah C, C++ dan Java. Keperluan pengaturcaraan dalam bidang ini telah menjadikan pengaturcaraan sebagai suatu kursus wajib. Bagi pelajar Politeknik yang mengikuti program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital), kursus Programming Fundamentals (DFC2073) adalah kursus teras yang diwajibkan kepada semua pelajar semester 1. Pelajar perlu menguasai konsep asas pengaturcaraan kerana sekiranya tidak, pelajar akan menghadapi kesukaran untuk menguasai pembelajaran di peringkat seterusnya [1].

Penguasaan pelajar dalam sesuatu bidang yang diceburi perlu dititikberatkan dan seharusnya lebih mantap. Ia adalah perlu bagi memenuhi kehendak dan cabaran global pada masa kini. Penguasaan bidang akademik diukur bukan sahaja pada tahap penguasaan malah ianya diukur dari aspek pencapaian yang diperolehi iaitu pencapaian dalam setiap kursus yang diikuti. Namun tidak boleh dinafikan bahawa, terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Faktor – faktor seperti sikap, iklim politeknik dan pengajaran pensyarah adalah merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian kecemerlangan akademik pelajar [2].

---

\*Koresponden: hartatizulfikri@gmail.com

Matlamat sesebuah institusi pengajian tinggi juga adalah jelas iaitu melahirkan graduan yang berjaya dalam pencapaian akademik dan sahsiah. Pencapaian akademik adalah prestasi atau hasil yang diperolehi daripada proses yang dilalui oleh pelajar terhadap kursus yang diikuti [3]. Pencapaian ditakrifkan sebagai sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan [4]. Justeru itu, faktor-faktor yang boleh mempengaruhi kecemerlangan akademik harus diambil perhatian kerana kecemerlangan akademik merupakan suatu indikator penting yang membuktikan pencapaian dan tahap kemahiran pelajar dalam bidangnya dan seterusnya membantu meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

## **PENYATAAN MASALAH**

Kecemerlangan akademik pelajar merupakan agenda yang utama bagi sesuatu institusi pendidikan. Bagi memastikan kecemerlangan akademik tersebut dapat dicapai, ianya memerlukan tindakan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya pelajar dan pensyarah. Dalam menghadapi cabaran pembelajaran, pelajar seharusnya perlu mempunyai sikap dan minda yang positif terutamanya apabila berdepan dengan kursus yang baru pada setiap semester. Kecerlangan pencapaian akademik pelajar umumnya banyak dipengaruhi oleh pelajar itu sendiri dan pensyarah selain daripada faktor-faktor lain. Jika pelajar itu memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajarinya, maka dia akan cuba menguasai bahasa tersebut dengan pelbagai cara [5]. Selain itu kesesuaian gaya pengajaran seseorang pensyarah juga memainkan peranan penting. Faktor-faktor lain yang didapati menyumbang kepada punca kemerosotan pelajar dalam pencapaian akademik adalah seperti ketidakselarasan strategi dan pendekatan pengajaran pensyarah dan kaedah pembelajaran pelajar di mana pelajar itu sendiri tidak tahu teknik dan cara pembelajaran yang berkesan dan efektif [6]. Justeru itu, memandangkan kursus pengaturcaraan merupakan kursus asas yang perlu dikuasai oleh pelajar teknologi maklumat di Politeknik Besut, maka kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah sikap pelajar dalam pembelajaran dan pendekatan pengajaran pensyarah mempunyai hubungan terhadap pencapaian pelajar.

## **OBJEKTIF**

- i. Mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar Politeknik Besut Terengganu dengan pencapaian kursus pengaturcaraan.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara pengajaran pensyarah dengan pencapaian kursus pengaturcaraan.
- iii. Mengenal pasti perbezaan sikap pelajar berdasarkan jantina.

## **SOROTAN KAJIAN**

Dalam proses pembelajaran oleh seorang pelajar, faktor sikap merupakan satu elemen penting untuk mereka berjaya dalam proses mencapai matlamat pembelajaran mereka. Pelajar yang tekun dan mempunyai sikap yang baik akan berjaya dalam pelajarannya. Sikap boleh dibentuk dan sikap memainkan peranan dalam menimbulkan minat seseorang. Sikap yang baik ini juga dapat melahirkan insan yang berpotensi dan cemerlang dalam pencapaian akademiknya. Untuk menilai prestasi pelajaran seseorang pelajar maka faktor sikap adalah satu faktor yang amat ditekankan. Ini disokong oleh [7] dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pendapat ini diperkuatkan lagi oleh [8], yang mengatakan pelajar yang mempunyai sifat tanggungjawab akan lebih giat dalam setiap aktiviti pembelajaran berbanding mereka yang tidak bertanggungjawab. Menurutny lagi dengan adanya sifat tanggung jawab menyebabkan wujudnya keazaman yang tinggi dalam diri pelajar tersebut.

Pelajar perlulah memperbaiki diri agar tidak terlalu bergantung pada orang lain kerana sikap ini akan menyebabkan mereka sukar untuk menjadi seseorang individu yang cemerlang dalam pencapaian mereka [9]. Ini disokong dengan kenyataan dari [10], antara faktor kelemahan pelajar dalam bidang akademik yang dikenal pasti ialah faktor sikap pelajar itu sendiri. Sikap pelajar adalah berbeza antara satu sama lain ketika menghadapi pelajaran.

Gaya pengajaran pensyarah juga merupakan tunggak utama yang boleh membantu pencapaian pelajar. Pensyarah yang efektif adalah seseorang yang berkebolehan mengenal pasti kepelbagaian pelajar dan seterusnya dapat memahami keperluan mereka. Dengan kesesuaian ini, maka Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan akan dapat memberi impak positif kepada pelajar. Ini bermakna, pencapaian pelajar adalah hasil daripada proses PdP yang berlangsung. Ini disokong oleh kajian daripada [11] yang menyatakan pencapaian pelajar adalah dipengaruhi oleh kefahaman pelajar dalam pembelajaran. Selain itu, [12] juga bersetuju bahawa sikap pensyarah yang positif membawa kepada peningkatan kemahiran dalam menyelesaikan soalan permasalahan yang berhubung kait dengan statistik dan kebarangkalian. Oleh itu, pensyarah harus peka untuk memastikan pelajar memperoleh proses pembelajaran yang lebih efektif agar minat dan penguasaan di dalam bidang matematik dan statistik dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih cemerlang.

Untuk menjamin keberkesanan sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran, fokus yang diberikan kepada gaya pembelajaran pelajar semata-mata tidak memadai. Gaya pengajaran guru juga perlu dititikberatkan kerana pengajaran guru penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid [13]. Laporan [14] pula menunjukkan terdapat kewujudan pengaruh tenaga pengajar dalam memupuk sikap positif atau negatif kepada subjek atau kursus serta prestasi akademik yang lemah di dalam kelas dan di institusi pengajian tinggi. Hasil kajian yang dijalankan oleh [2], mendapati faktor sikap, iklim politeknik dan pengajaran pensyarah merupakan antara faktor yang paling mempengaruhi pencapaian pelajar diploma dalam menguasai mata pelajaran Sistem Elektronik 1 di Politeknik Engku Omar, Politeknik Shah Alam dan Politeknik Port Dickson.

## **METODOLOGI**

### **Rekabentuk kajian**

Kajian ini merupakan suatu penyelidikan berbentuk deskriptif yang dijalankan secara tinjauan melalui soal selidik. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan. Kajian korelasi telah dipilih untuk mengenalpasti hubungan antara pembolehubah. Selain itu ujian t digunakan untuk mengenal pasti perbezaan sikap pelajar lelaki dan perempuan.

### **Populasi dan sampel kajian**

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) di Politeknik Besut yang telah mengambil kursus *Programming Fundamentals*. Bagi kajian ini, bilangan sampel adalah mewakili bilangan populasi. Seramai 76 orang responden terlibat dalam kajian ini.

### **Instrumen kajian**

Instrumen yang dijalankan adalah menggunakan soal selidik yang telah diubahsuai dari soalan yang telah dibangunkan oleh [2]. Dalam kaedah ini, borang soal selidik telah dijana secara

elektronik menggunakan *Google Form* dan para responden diminta untuk menjawab semua soalan yang dikemukakan. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Di dalam Bahagian A, penyelidik menggunakan bentuk pernyataan yang mana responden perlu untuk menandakan satu pilihan jawapan. Perkara yang terdapat dalam soal selidik Bahagian A ialah jantina, kelas dan skor pencapaian kursus pengaturcaraan yang dicapai oleh responden. Bahagian B pula mengandungi item-item bagi memenuhi maklumat berkenaan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus pengaturcaraan iaitu sikap pelajar dan pengajaran pensyarah. Maklumbalas soal selidik dalam bahagian ini akan menggunakan Skala Pemeringkatan Likert yang mengandungi lima nilai skor seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1 berikut.

**Jadual 1** Skala Pemeringkatan Likert

Tafsiran	Skala
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

### **Kebolehpercayaan soal selidik**

Analisis kajian rintis telah dilakukan kepada instrumen yang telah dibina. Seramai 10 orang pelajar telah terlibat dalam kajian rintis ini dan nilai Alpha Cronbach telah diperolehi iaitu dengan nilai keseluruhan 0.83. Tiada batasan kepada nilai kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian, tetapi nilai 0.60 dan ke atas sering digunakan dalam kajian pendidikan [15].

### **Kaedah analisis data**

Data-data di analisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Versi 20.0 (SPSSv20.0)*. Jadual 2 di bawah menunjukkan hubungan diantara pekali  $r$  dan kekuatan hubungan mengikut Guildford Rule Of Thumbs.

**Jadual 2** Pekali  $r$  dan kekuatan hubungan mengikut Guildford Rule Of Thumbs

$r$	Strength of Relationship
< 0.2	Korelasi sangat lemah
0.2 - 0.4	Korelasi lemah
0.4 - 0.7	Korelasi sederhana
0.7 - 0.9	Korelasi tinggi
> 0.9	Korelasi sangat tinggi

## DAPATAN KAJIAN

### Latar belakang responden

Jadual 3(a) menunjukkan taburan jantina bagi responden. Kajian ini mendapati seramai 40 (52.6%) responden adalah terdiri daripada perempuan, manakala 36 (47.4%) adalah lelaki.

**Jadual 3(a)** Taburan Jantina Responden Kajian

Jantina	Kekerapan	Peratusan (%)
Lelaki	36	47.4
Perempuan	40	52.6
Jumlah	76	100

Berdasarkan Jadual 3(b), daripada 76 responden yang terlibat, seramai 22 orang iaitu sebanyak 29% mendapat gred A. Manakala sebanyak 62% iaitu 47 orang telah memperoleh gred B dan seramai 7 orang pelajar mendapat gred C. Ini menunjukkan tahap penguasaan atau tahap pencapaian pelajar dalam kursus pengaturcaraan adalah pada tahap yang sederhana kerana lebih separuh daripada pelajar mendapat markah antara 60 - 74 markah.

**Jadual 3(b)** Skor pencapaian Kursus Pengaturcaraan

Tahap	Gred	Bilangan	Peratus(%)
Tinggi	(A+, A,A-)	22	29
Sederhana	(B+, B,B-)	47	62
Rendah	(C+,C,C-)	7	9
<b>Jumlah</b>		<b>76</b>	<b>100.0</b>

### Hubungan antara sikap pelajar terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan

**Jadual 4** Korelasi di antara sikap pelajar terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan

pemboleh ubah	Pencapaian	
	r	p
Sikap	0.224	0.041

r = korelasi pearson    p = signifikan  
\*signifikan 2 hala  $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4 nilai korelasi yang diperolehi dalam kajian ini adalah  $r = 0.224$ . Berdasarkan Pekali r dan kekuatan hubungan mengikut Guildford Rule Of Thumbs (jadual 5.5) menunjukkan terdapat hubungan positif tetapi lemah. Nilai signifikan yang diperolehi pula adalah  $p = 0.041$  dan ini adalah lebih kecil daripada nilai  $\alpha (0.05)$ . Maka, ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap pelajar dengan pencapaian pelajar dalam kursus pengaturcaraan.

### Hubungan antara pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara pengajaran pensyarah dengan pencapaian kursus pengaturcaraan. Nilai korelasi yang diperolehi dalam kajian ini adalah  $r = 0.195$ . Ini menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang wujud di antara pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar dalam kursus pengaturcaraan tetapi pada tahap yang sangat lemah.

Berdasarkan ujian ini juga, nilai signifikan  $p = 0.011$  dan ini adalah lebih kecil daripada nilai  $\alpha$  (0.05). Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar.

**Jadual 5** Korelasi di antara pengajaran pensyarah terhadap pencapaian kursus pengaturcaraan

pemboleh ubah	Pencapaian	
	r	p
Sikap	0.195	0.011

r = korelasi pearson    p = signifikan

\*signifikan 2 hala  $p < 0.05$

### Mengenal pasti perbezaan sikap pelajar berdasarkan jantina

**Jadual 6(a)** Ujian t terhadap pemboleh ubah mean sikap

	F	Sig	t	Sig (2-tailed)
mean_sikap pelajar Equal variance asumed	5.919	0.017	0.610	0.544
Equal variance not assumed			0.598	0.552

Hasil bagi ujian-t terhadap pembolehubah mean\_sikap\_pelajar adalah seperti jadual 6(a) di atas. Berdasarkan jadual di atas, nilai p adalah 0.017 iaitu lebih kecil nilainya jika dibandingkan dengan nilai  $\alpha$ . Ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan tersebut tidak mempunyai varians yang sama. Hasilnya, keputusan ujian-t bagi perbandingan min dua kumpulan sampel tak bersandaran yang mempunyai varians populasi yang sama (equal variances assumed) tersebut tidak akan diambil kira. Jadi, nilai p seterusnya yang akan diambil kira adalah 0.552. Memandangkan nilai p adalah 0.552 iaitu nilainya lebih besar daripada nilai  $\alpha$  yang telah ditetapkan, ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Jadi, terdapat bukti-bukti yang kukuh bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Hal ini dapat dibuktikan lagi dengan merujuk kepada jadual 6(b) berikut.

**Jadual 6(b)** Skor min dan sisihan piawai sikap pelajar berdasarkan jantina

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation
mean_sikappelajar	Lelaki	36	3.4808	0.43954
	Perempuan	40	3.5327	0.29479

Berdasarkan jadual 6(b) tersebut, skor min yang diperolehi oleh kumpulan pelajar lelaki adalah 3.4808 dan skor min bagi kumpulan pelajar perempuan adalah 3.5327. Maka, telah terbukti bahawa kedua-dua kumpulan pelajar tersebut bersikap positif dengan tahap penerimaannya yang tinggi terhadap pembolehubah mean\_sikappelajar

### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara sikap pelajar dengan pencapaian pelajar. Hasil ini selaras dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh [2] yang menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara faktor sikap dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sistem Elektronik 1. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran pensyarah dengan pencapaian pelajar. Dapatan ini

disokong oleh kajian yang dilakukan oleh [16] yang menunjukkan terdapat hubungan antara sikap dan pengajaran pensyarah dalam pencapaian kursus prinsip pemasaran. Hasil analisis juga mendapati tidak terdapat perbezaan antara sikap pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Secara kesimpulannya pencapaian pelajar dalam kursus pengaturcaraan sememangnya dipengaruhi oleh sikap pelajar dan pengajaran pensyarah. Justeru itu, dalam memperkasakan penguasaan dan pencapaian pelajar dalam kursus pengaturcaraan, pensyarah perlu memberi penekanan terhadap kepelbagaian kaedah pengajaran agar lebih mantap dan cemerlang. Selain itu, pelajar juga perlu memainkan peranan dalam membentuk dan menerapkan sikap yang positif agar kualiti pembelajaran dapat dipertingkatkan.

## RUJUKAN

- C. Beamont and C. Fox, "Learning programming: Enhancing quality through problem based learning," 4th Annu. Conf. LTSN Cent. Inf. Comput. Sci., (2003)
- M. Rizal, K. Akmar, and P. Saifullizam, "Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Menguasai Mata Pelajaran Kejuruteraan di Politeknik-Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia," Pros. Semin. Pendidik. JPPG 2005, (2005)
- Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (2007)
- "Pusat Rujukan Persuratan Melayu," Dewan Bahasa dan Pustaka, (2019). [Online]. Available: <http://prpm.dbp.gov.my/>.
- Z. M. Nasir and Z. A. Z. Hamzah, "Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu," *Procedia - Soc. Behav. Sci.*, vol. 134, pp. 408–415, (2014), doi: 10.1016/j.sbspro.2014.04.263.
- R. Ismail, "Faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar sekolah menengah agama bagi mata pelajaran KHB dalam peperiksaan PMR daerah Rendang," Universiti Teknologi Malaysia, (2002)
- Noriani Omar, "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima," *J. Pendidik.*, (2008)
- S. Hashim and R. Yaakub, *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, (2003)
- Muhamad Abdillah Royo & Haleefa Mahmood, "Faktor-Faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta," *J. Educ. Psychol. Couns.*, (2011)
- M. Y. Othman, *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd, (2000)
- A. Abdul Muqsih, "Faktor Yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lulusan Diploma Politeknik Dan Matrikulasi Terhadap Subjek Kejuruteraan," (2013)
- F. Kazemi, A. Shahmohammadi, and M. Sharei, "The survey on relationship between the attitude and academic achievement of in-service mathematics teachers in introductory probability and statistics," *World Appl. Sci. J.*, (2013), doi: 10.5829/idosi.wasj.2013.22.07.530.
- A. F. G. and N. Yangarber-Hicks, *Integrating teaching style and learning style with instructional technology*. College Teaching, 48(1). Taylor & Francis, Ltd, (2000)
- S. Mekonnen, "Problems Challenging the Academic Performance of Physics Students in Higher Governmental Institutions in the Case of Arbaminch, Wolayita Sodo, Hawassa and Dilla Universities," *Nat. Sci.*, (2014), doi: 10.4236/ns.2014.65037.
- K. Mohd Majid, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (2005)
- H. Siti Hasmiza and M. A. Siti Fatimah, "Hubungan faktor sikap, minat, kaedah pembelajaran, persekitaran dan pengajaran pensyarah terhadap pencapaian pelajar kursus prinsip pemasaran (DPM1013) di POLIMAS," *J. Tech. Vocat. Educ.* (2018). Vol. 1. Page 44-59, vol. 1, pp. 26–34, (2018)

